

## **BINAAN STRUKTUR PEMBENTUKAN SINTAKSIS PERANCIS-MELAYU**

**Mohd Nor Azan Abdullah<sup>1</sup>**  
**Mohd Yusof Abdullah<sup>2</sup>**  
**Sylviane Cardey-Greenfield<sup>3</sup>**  
**Peter Greenfield<sup>3</sup>**

Universiti Malaysia Sabah, Malaysia<sup>1</sup>  
Kolej Universiti Islam Melaka, Malaysia<sup>2</sup>  
Universiti de Franche-Comté, Besançon, France<sup>3</sup>

*Corresponding Author's Email: [azan@ums.edu.my](mailto:azan@ums.edu.my)*

### **Article History:**

*Received* : 10 October 2021  
*Accepted* : 22 October 2021  
*Published* : 30 December 2021

### **ABSTRAK**

Penulis memilih sembilan sintaksis bahasa Perancis dan diterjemahkan sintaksis tersebut ke dalam bahasa Melayu. Tujuan terjemahan sintaksis tersebut adalah untuk menganalisis perbezaan dan persamaan unsur linguistik seperti kedudukan kata kerja, kata sendi, penyesuaian morfem mengikut gender, jamak dan tunggal yang terdapat dalam sistem sintaksis bahasa Perancis. Kesemua binaan struktur sintaksis tersebut diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu. Memandangkan bahasa Perancis merupakan bahasa Indo-Eropah yang terletak di bawah rumpun bahasa Latin manakala bahasa Melayu merupakan bahasa Malaynesia dan berada dalam rumpun bahasa Melayu maka terjemahan sintaksis tersebut bertujuan untuk membandingkan kedudukan elemen linguistik sama ada ianya diwakili oleh elemen gramatikal yang sama bagi kedua-dua rumpun bahasa yang berbeza. Sistem morfologi sintaksis Perancis bersifat fleksi sebaliknya sebahagian unsur linguistik kata kerja dan kata nama bahasa Melayu bersifat aglutinatif yakni kata kerja dan kata nama bahasa Melayu sebahagian besarnya terbentuk melalui morfem terikat. Hasil kajian ini dapat memberikan kefahaman kepada tenaga pengajar, pelajar, penterjemah dan pembaca mengenai sistem peraturan gramatikal sintaksis bagi kedua-dua bahasa tersebut. Kaedah kajian merupakan kaedah perpustakaan dengan merujuk buku-buku, laman sesawang dan dokumen yang berkaitan. Kepentingan kajian ini adalah untuk memberikan pengetahuan kepada pembaca mengenai pembentukan elemen linguistik sintaksis bagi kedua-dua bahasa melalui analisis struktur binaan sintaksis.

**Kata Kunci:** Struktur, Pembentukan, Sintaksis, Perancis-Melayu.

## STRUCTURE CONTRACTION SYNTAX FORMATION FRENCH-MALAY


### Abstract

The author selected nine French syntactic structures and translated them into Malay. The purpose of the syntax translation is to examine the differences and similarities of linguistic features found in the French syntax system, such as verb positions, prepositions, morphemes agreement with genders, and numbers according to feminine, masculine, singular, and plural. All these syntactic structures are translated into Malay. Given that French is an Indo-European language that belongs to the Latin language family, and Malay is a Malaynesian language that belongs to the Malay language family, the syntax translation aims to compare the positions of linguistic grammatical elements to see if they are represented by the same grammatical elements in both languages. Most linguistic parts of Malay verbs and nouns are agglutinative, hence Malay verbs and nouns are largely created by bound morphemes. The findings of this research can help teachers, students, translators, and readers grasp the grammatical system of syntax norms in both languages. The authors employed an applied qualitative research method that included a library evaluation of books and journals as well as an online review of pertinent resources. The purpose of this research is to educate the reader on the building of syntactic linguistic elements in both languages by examining the formation of syntactic structures.


**Keywords:** Structure, Formation, Syntax, French-Malay

## PENGENALAN

Bahasa Perancis merupakan salah satu bahasa Eropah bersifat fleksi manakala bahasa Melayu merupakan bahasa aglutinatif, dipertuturkan di Malaynesia. Rajah 1 dan 2 memperlihatkan keluarga bahasa bagi kedua-dua bahasa tersebut.



Rajah 1: Pokok Bahasa Perancis [1]



Rajah 2: Pokok Bahasa Melayu [2]

Bahasa Perancis (Rajah 1) dan bahasa Melayu (Rajah 2) merupakan dua buah keluarga bahasa yang berbeza. Perancis beribukan Indo-Eropah dan berada dalam rumpun bahasa Latin. Manakala bahasa Melayu pula beribukan bahasa Austronesia dan berumpun Malaynesia. Perkataan Austronesia berasal daripada kata Latin 'Auster' [selatan] dan 'Nesos' dari Grek [Pulau]. Gabungan kedua-dua perkataan membentuk kata 'Austronesia' yang membawa maksud bahasa yang dipertuturkan di pulau-pulau selatan. Maka jelas sekali ibu bahasa bagi kedua-dua bahasa berbeza akan tetapi kedua-dua bahasa merupakan milik homo sapiens. Dengan perbezaan keluarga bahasa maka sudah tentu akan ada perbezaan daripada segi arkitek struktur ayatnya.

## KAJIAN LITERATUR

Terdapat beberapa penerangan yang berkaitan dengan tulisan ini iaitu mengenai teori transformasi generatif yang diperkenalkan oleh Chomsky dalam tesisnya *Syntactic Structures* [3] dengan konsep *Struktur Dalaman* dan *Struktur Permukaan*. *Struktur Permukaan* merupakan ayat-ayat yang diucapkan manakala *Struktur Dalam* merupakan komponen leksikal yang mendasari sintaksis tersebut dengan kategori golongan kata tertentu. Konsep tatabahasa generatif di aplikasi penulis dalam membuat perbandingan binaan struktur pembentukan sintaksis Perancis-Melayu. Elemen tatabahasa dalam ujaran sintaksis dapat memberikan pemerian tepat terhadap deretan unit leksikal sintaksis untuk pembinaan sesuatu bahasa. Contoh rumusan sintaksis yang terdiri daripada Frasa Nama, dan Frasa Predikat. Frasa Predikat terdiri daripada Frasa Kerja, Frasa Adverba dan beberapa unsur tatabahasa. [4] Unsur-unsur tersebut disegmentasi oleh penulis dalam sintaksis Perancis-Melayu untuk memperlihatkan perbezaan dan persamaan binaan sintaksis tersebut. Chomsky menyatakan bahawa tatabahasa merupakan satu mekanisme yang boleh menerbitkan unsur bahasa yang terhad kepada banyak unsur yang tidak terhad melalui proses penerbitan dan transformasi. [5] Baginya tatabahasa terbentuk melalui 3 buah komponen. Komponen tersebut ialah komponen pembentukan sintaksis melalui sistem peraturan tatabahasa gramatis, komponen semantik yang menerangkan maksud dengan melihat perhubungan antara unsur-unsur yang membentuk makna perkataan dan komponen fonologi dan fonetik yang menjurus kepada penyelarasan urutan bunyi leksis dalam membina sintaksis. Makna merupakan sifat bahasa. Makna juga didefinisikan sebagai rangkaian hubungan seluruh elemen bentuk linguistik yang membentuk unsur struktur, golongan kata dan ungkapan dalam sistem. Hubungan tersebut meliputi hubungan formal iaitu hubungan antara unit kata dengan golongan kata. [6] Penulis hanya mengkaji komponen pertama Chomsky yang melibatkan komponen pembentukan

sintaksis melalui sistem peraturan tatabahasa gramatis dengan mensegmentasi dan menganalisis unit leksikal dalam binaan sintaksis Perancis-Melayu. Berdasarkan kajian literatur tidak terdapat lagi penulisan perbandingan binaan struktur sintaksis Perancis-Melayu.

## **OBJEKTIF**

Objektif kajian adalah untuk menyenaraikan beberapa binaan struktur sintaksis Perancis-Melayu dan menganalisis binaan elemen linguistik yang membentuk sintaksis asas untuk kedua-dua bahasa Perancis-Melayu. Di samping itu, kajian ini bertujuan untuk memberikan contoh perbezaan dan persamaan elemen linguistik bagi kedua-dua bahasa tersebut melalui perbandingan

## **METODOLOGI**

Metodologi kajian adalah bersifat kualitatif. Kajian perpustakaan digunakan iaitu dengan merujuk buku-buku atau dokumen tatabahasa bagi kedua-dua bahasa tersebut untuk melengkapkan bahan kajian. Limitasi kajian hanya bertumpu kepada binaan struktur sintaksis dan unit leksis yang membina sintaksis asas Perancis-Melayu.

Penulis menggunakan kaedah linguistik perbandingan untuk mengenal pasti pola atau pembinaan struktur asas sintaksis antara bahasa Perancis dan Melayu. Ia bertujuan untuk menyenaraikan persamaan konstruksi unsur linguistik atau sebaliknya melalui pohon transformasi generatif. Penelitian sedemikian akan memudahkan pemahaman struktur pembinaan sintaksis terhadap kedua-dua bahasa tersebut yang datangnya dari keluarga bahasa yang berbeza.


## **LINGUISTIK PERBANDINGAN**

Kajian perbandingan binaan struktur ayat antara dua bahasa berdasarkan linguistik perbandingan. Linguistik perbandingan merupakan salah satu cabang linguistik bahasa yang mengkaji kekerabatan antara bahasa dengan mengkaji perbezaan atau persamaan unsur linguistik terutama sekali perkaitan di antara Bahasa. [7] Kajian perbandingan bahasa lahir di Jerman pada abad ke 19. Para linguist membuat perbandingan kata-kata dengan penyejajaran bentuk bunyi yang terdapat dalam bahasa-bahasa tersebut. [8] Kajian ini meneliti ciri-ciri bahasa. Melalui perbandingan linguistik, para sarjana Eropah dapat menentukan hubungan kekeluargaan bahasa-bahasa Eropah. Pengkaji menggunakan kaedah linguistik perbandingan dalam menganalisis pembinaan struktur sintaksis dalam ayat asas antara bahasa Perancis dan Melayu. Ia bertujuan untuk memperlihatkan persamaan konstruksi elemen linguistik atau sebaliknya. Penelitian sedemikian akan memudahkan pemahaman pembinaan ayat asas terhadap kedua-dua bahasa tersebut yang datangnya daripada kerabat bahasa yang berbeza. Segmentasi struktur sintaksis adalah berdasarkan teori Transformasi Generatif Noam Chomsky yang mana ia terdiri daripada Struktur Dalaman (*Deep Structure*) dan Struktur Permukaan (*Surface Structure*). Dalam Struktur Dalaman, terdapat makna ayat berbentuk abstrak yang terdiri daripada beberapa buah komponen semantik ayat. Menurut Saussure, komponen struktur tersebut diwakili lambang atau unsur-unsur linguistik yang terdiri daripada *signifié* dan *signifiant*. *Signifié* merujuk lambang atau konsep yang wujud dalam fikiran manusia manakala *signifiant* merupakan image sebenar konsep tersebut yang diterjemahkan dalam bentuk bunyi mahupun tulisan. [9] Daripada komponen atau unsur-unsur linguistik *Struktur Dalaman* tersebut, akan menghasilkan *Struktur Permukaan* yang dikenali sebagai sintaksis. Ia merupakan apa yang dipercakapkan atau yang dituliskan dalam bentuk ayat yang lengkap. Menurut teori Transformasi Generatif, dalam *Struktur Permukaan*, terdapat tiga buah komponen, iaitu komponen semantik, komponen fonologi yang memberikan lambang morfofonemik dan komponen sintaksis. Pengkaji akan memerikan komponen sintaksis yang melibatkan ayat dalam *Struktur Dalaman*. Pemerian binaan *Struktur Dalaman* ditunjukkan dalam bentuk komponen asas sintaksis.

**Jadual 1. Contoh Struktur Dalaman dan Permukaan Sintaksis Berbentuk Linier**

Struktur Binaan Dalaman Sintaksis	
Les enfants mangent du riz.	Anak-anak makan nasi.
KN + KK + KS + KN	KN + KK + KN

Permukaan sintaksis **linier** bermaksud penderetan morfem secara garis lurus.



**Rajah 3: Pohon Transformasi Generatif**



**Rajah 4: Pohon Transformasi Generatif (Terjemahan Sintaksis Perancis-Melayu dengan Merujuk Jadual 1 dan Rajah 3)**

Dalam Rajah 3 dan Rajah 4 orang penulis memerikan *Struktur Dalaman* dan *Struktur Permukaan* sintaksis yang dimaksudkan sebagai komponen asas binaan sintaksis transformasi generatif dengan menterjemahkan sintaksis Perancis ke bahasa Melayu. Antara akronim elemen tatabahasa untuk Jadual 1, Rajah 3, Rajah 4 dan Jadual 3 adalah seperti berikut:

FN	→ Frasa Nama	FK	→ Frasa Kerja
N	→ Nama	KK	→ Kata Kerja
KS 1	→ Kata Sandang	KSP	→ Kata Sandang Partitif
KS	→ Kata Sendi	Prep	→ Kata Sendi
Sub	→ Subjek	KSN	→ Kata Sendi Nama
KKM	→ Kata Kerja Modal	KP	→ Kata Posesif
KKA	→ Kata Kerja Asal	KADJ	→ Adjektif

**Jadual 2: Pemerian Terjemahan Sintaksis Perancis- Melayu**

**Les enfants mangent du riz = Anak-anak makan nasi**

<b>Pemerian Terjemahan Komponen asas sintaksis Perancis-Melayu</b>			
<b>Sintaksis Perancis</b>	<b>Kategori Gramatikal Sintaksis Perancis</b>	<b>Sintaksis Melayu</b>	<b>Kategori Gramatikal Sintaksis Melayu</b>
Les	Kata sandang pasti (KSP)	∅	∅ kosong
enfants	Kata nama (KN)	Anak-anak	Kata nama (KN)
mangent	Kata kerja (KK)	makan	Kata kerja (KK)
du	Kata sandang partitif (KSP)	∅	∅ kosong
riz	Kata nama (KN)	nasi	Kata nama (KN)

Pemerian sintaksis menjelaskan bahawa sintaksis bahasa Melayu di jadual 2 tidak terdapat elemen **Kata Sandang Pasti** ∅ [10] iaitu **Les** dan **Kata Sandang Partitif** ∅ [11] yang menunjukkan kuantiti iaitu **du**. Akan tetapi untuk bahasa Melayu, kategori **Kata Sandang Les** diwakili oleh mofem terikat iaitu **anak-anak**. **anak-anak** yang berfungsi sebagai kata nama dan sebagai subjek bagi sintaksis tersebut. **anak-anak** merupakan kata ganda yang bersifat jamak dan mempunyai fungsi yang sama dengan **Kata Sandang Pasti [Les] jamak (Le tunggal)**. **Les** tidak boleh berfungsi sendiri tanpa diikuti kata nama (enfant). Kata nama tersebut mestilah disesuaikan dengan **Les** yang bersifat jamak. Oleh itu huruf **s** ditambah pada kata nama **enfant** lalu membentuk **Les enfants**. **Les enfants** merujuk komponen mofem **anak-anak** dalam bahasa Melayu yang juga bersifat jamak. Oleh yang demikian **Kata Sandang Pasti Perancis (Les)** dan kata berganda **anak-anak** mewakili fungsi gramatikal yang sama dalam kedua-dua sintaksis tersebut.

### Perbandingan Binaan Struktur Sintaksis Perancis-Melayu

Penulis telah memilih 9 sintaksis Perancis-Melayu dan dideskripsi **Struktur Dalam** yang mendasari sintaksis tersebut secara linier atau penderetan. [12]


**Jadual 3: Perbandingan Struktur Sintaksis**

	<b>Sintaksis Perancis</b>	<b>Sintaksis Melayu</b>
1	<i>Mon frère est grand.</i> KP + KN +KK + ADJ	<i>Adik saya tinggi.</i> FN + ADJ
2	<i>Il lit la lettre.</i> Sub + KK + KSP + KN	Dia <b>membaca surat.</b> <b>Sub + KK + KN</b>
3	<i>Il ressemble à son frère</i> Sub+KK + KS + KP + KN	Dia <b>menyerupai abangnya</b> Sub + KK + KN+ KSP
4	<i>Il discute de notre projet à ses associés</i> Sub+KK+FSN1 + FSN2	Dia <b>berbincang tentang projek kita kepada rakan kongsinya.</b> Sub + KK + FSN1 + FSN2 + KSP
5	<i>Il trouve le prix trop élevé.</i> Sub + KK + KSP + KN + Adverba + adjektif	Dia <b>mendapati harga (barang) terlalu tinggi.</b> Sub + KK+ KN + KK bersifat adjektif + adjektif
6	<i>Vous allez au magasin</i> Sub + KK+ KS + KN	Anda pergi ke kedai Sub + KK + KS + KN
7	<i>Il peut chanter</i> Sub + KKM + KKA	Dia boleh menyanyi Sub + KB + KK
8	<i>Nous voulons jouer au badminton</i> Sub + KKM +KKA + KS + KN	Kami hendak bermain badminton Sub + KB + KK + KN
9	<i>Sa mère est en Espagne</i> KP + KN + KK + KS + KN	Ibunya berada di Sepanyol KN + KSP + KK + KS + KN


## PROSES TRANSFORMASI GENERATIF

Penulis merujuk Jadual 3 dan mendeskripsi proses transformasi generatif *Struktur Dalaman* bagi berapa sintaksis di bawah. Penulis menggunakan lambang S1, S2 dan seterusnya untuk mewakili sintaksis 1 dan sintaksis 2 serta lain-lain urutan sintaksis yang terdapat dalam Jadual 3.

### S1a. Mon frère est grand. (Perancis)




### S1b. Adik saya tinggi.




S1a dan S1b, jelas menunjukkan melalui pokok transformasi generatif, penterjemahan sintaksis Perancis-Melayu memperlihatkan terdapat perbezaan posisi elemen linguistik bagi kedua-dua sintaksis tersebut. Sintaksis S1a, memerlukan *Kata Posesif 'mon'* (Déterminant Possesif [penentu kepunyaan]) yang mesti mengiringi kata nama. Begitu juga dengan sintaksis S1b, kata nama (KN) diwakili oleh kata nama am (adik) dan ganti nama diri pertama berfungsi sebagai *Kata Sandang Pasti* (saya). Kedua-dua uniti leksikal tersebut mempunyai semantik yang sama dan diwakili oleh kategori gramatikal yang sama. Hanya posisi kedudukan uniti leksikal *Kata Sandang Pasti* (KSP) berbeza. Untuk sintaksis S1a, KSP berposisi di hadapan morfem *frère*. Manakala bagi sintaksis S1b, KSP terletak selepas morfem *adik*. Perbezaan posisi tersebut merupakan peraturan tatabahasa bagi kedua-dua bahasa tersebut dalam menentukan susunan gramatis sintaksis. Seperkara lagi dalam sintaksis S1b, tidak diwakili oleh kata kerja. Ini bermaksud sintaksis Melayu boleh dibentuk tanpa kata kerja dan ia gramatis.



**S2a.** Il lit la lettre




**S2b.** Dia membaca surat




Dalam sintaksis S2a, elemen *Kata Sandang Pasti* (KSP) 'la' berfungsi sebagai penanda gender feminin kepada kata nama *lettre*, bukan merupakan elemen bahasa Malaynesia khasnya dan bahasa Melayu amnya. KSP *la* yang mendahului morfem *lettre* merupakan elemen yang mengesahkan bahawa kata nama *lettre* bergender feminin serta kategori gender tersebut akan menentukan sama ada sintaksis tersebut gramatis atau sebaliknya. Pokok transformasi generatif jelas menunjukkan binaan leksikal persamaan dan perbezaan uniti leksikal dalam kedua-dua sintaksis tersebut.

**S3a.** Il ressemble à son frère



**S3b.** Dia menyerupai abangnya



Bagi sintaksis S3b, kata sendi *à* yang merupakan elemen utama bagi kata kerja S3a, tidak diperlukan dalam sistem tatabahasa S3b. Ketidaksepadanan elemen linguistik terjemahan sintaksis Perancis **S3a** – Melayu **S3b** menunjukkan ketidakselarian unsur linguistik dalam menentukan pembentukan kategori gramatikal lexis dari satu bahasa ke satu bahasa. Dalam S3a, kata sendi *à* merupakan pengelola yang mengelola kata kerja asal *resembler*. Binaan struktur kata kerja tersebut yang sememangnya memerlukan kata sendi mengiringi kata kerja *resembler*. Struktur tersebut ialah *resembler à quelqu'un* [13] (menyerupai akan seseorang). Akan tetapi dalam terjemahan sintaksis S3a ke bahasa Melayu, kata kerja *menyerupai* tidak memerlukan kata sendi. Ini kerana semantik lexis kata kerja *menyerupai* yang merupakan derivasi daripada kata adjektif *serupa* sudah terkandung maksud *seakan-akan*, *serupa dengan*, *mirip dengan* dan *hampir menyamai*. [14] Oleh itu konstruksi kata kerja menyerupai tidak memerlukan elemen kata sendi dalam sintaksis S3b.

Sintaksis S3a, menuntut kehadiran elemen kata posesif yang merujuk pemilikan. Kata posesif tersebut bergender maskulin untuk disesuaikan di hadapan morfem **frère** yang juga bergender maskulin. Penyesuaian gender morfem adalah untuk melengkapkan semantik morfem dan sintaksis tersebut. Manakala untuk sintaksis S3b, *Kata Sandang Pasti* (*nya*) berposisi di belakang morfem **abang**. Dalam S3a, posisi *kata posesif* berada di hadapan kata nama manakala untuk maksud yang sama *Kata Sandang Pasti nya* membentuk semantik morfem **abang** dalam sintaksis S3d. Perbezaanya ialah *Kata Posesif* S3a, merupakan morfem bebas manakala *Kata Sandang* S3d, merupakan morfem terikat [15] dan ianya dapat dilihat dalam analisis S3a dan S3b *Struktur Dalaman* dan juga di *Struktur Permukaan Generatif* dimana Kata Nama **abang** dan *Kata Sandang Pasti nya* terikat di antara satu sama lain yang juga dikenali sebagai proses aglutinatif **abangnya**.

## KESIMPULAN

Analisis mengenai binaan struktur sintaksis melalui terjemahan sintaksis daripada bahasa Perancis ke bahasa Melayu jelas menunjukkan bukan sahaja perbezaan dan persamaan binaan golongan kata malah memperjelaskan posisi elemen linguistik dalam sintaksis bagi kedua-dua bahasa tersebut. Penjelasan melalui pokok generatif tatabahasa amat berguna untuk menjelaskan perbandingan binaan sintaksis tersebut. Kelebihan tatabahasa transformasi generatif membolehkan elemen bahasa dikaji secara saintifik dan eksplisit. Kajian ini amat berguna kepada mereka yang ingin mengetahui pola sintaksis dan tugas golongan kata serta kedudukan golongan kata dalam sintaksis dengan lebih jelas lagi.

## BIBLIOGRAFI

- Awang Sariyan. (2007). *Petunjuk Tatabahasa Bahasa Melayu*. Sasbadi, Selangor.
- Abdullah Hassan. (2006). *Linguistik Am*. Pts Professional, Kuala Lumpur.
- Ajid Che Kob. (1993). *Pengantar Linguistik Umum*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Callamand Monique, *Grammaire Vivante du Francais*. (1989). CLE International, Paris.
- Dubois Jean, Mathée Giacomo, Lois Guespin, Christiane Marcellesi, Jean-Baptiste Marcellesi and Jean-Pierre Mével. (2002). *Dictionnaire de la linguistique*. Larousse Paris.
- Mohd Nor Azan Abdullah. (2013). *Thèse du doctorat: Étude Comparative Des Structures Et Des Systèmes Verbaux Du Francais Et Du Malais*. Université Du Franche-Comté, Besançon France, Ph.D. Thesis.
- Nik Safiah Karim, Farid M.Onn, Hashim Hj. Musa and Abdul Hamid Mahmood. (2009). *Tatabahasa Dewan*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Uma A/P Iyavoo dan Koh Chung Gaik. (1996). *Teori Linguistik Bagi Penterjemahan*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.